

22.2.2021_ Harian Metro_MOSTI_30,000 frontliner terima suntikan

30,000 *frontliner* terima suntikan

Georgetown: Seramai 30,000 petugas barisan hadapan di Pulau Pinang dijangka menerima suntikan vaksin Covid-19 fasa pertama bermula minggu ini.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata, pihaknya dimaklumkan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Keselamatan Negara Pulau Pinang, negeri ini bakal menerima stok

vaksin Covid-19 secara berperingkat.

Katanya, stok vaksin berkenaan akan ditempatkan di dua hospital di negeri ini.

"Kerajaan negeri juga memberi komitmen serta kerjasama penuh kepada Kerajaan Persekutuan berhubung pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Ke-

bangsaan," katanya.